

12/11/2000

Setem, sampul surat khas dijual Rabu

PEKERJA kedai di Pusat Media Antarabangsa (IMC), Bandar Seri Begawan, Evangeline Tolentino, 22, menunjukkan setem dan sampul surat khas Apec 2000 (gambar) yang akan mula dijual kepada orang ramai, Rabu ini.

Selain di pejabat pos kompleks IMC, sampul dan setem khas itu akan dijual di semua pejabat pos di Negara Brunei Darussalam.

Apec 2000, yang pertama kali diadakan di Brunei, akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama ketua kerajaan 21 anggota ekonomi Apec.

Ia bermula dengan mesyuarat pegawai kanan (SOM) kelmarin, diikuti mesyuarat peringkat menteri hari ini dan esok. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dijadualkan tiba di Bandar Seri Begawan, pagi ini.

(END)